



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK KENYATAAN MEDIA

PENULARAN WABAK COVID-19

Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah mengadakan mesyuarat tergepang pada 14 Mac 2020, secara khusus membincangkan situasi wabak Covid-19 yang dilaporkan semakin kritikal.

Bertepatan dengan prinsip Maqasid al-Syariah *حفظ النفس* iaitu *menjaga nyawa*, dan selaras dengan pengumuman Perdana Menteri pada malam 16 Mac 2020, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah mempersembahkan perakuan-perakuan berikut kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dan telah mendapat perkenan Baginda untuk dilaksanakan:

Untuk tempoh bermula Solat Maghrib 17 Mac 2020 sehingga Solat Isyak 31 Mac 2020,

- i. Tidak dilaksanakan Solat Jumaat pada 20hb dan 27hb. Mac 2020, begitu juga solat fardu secara berjemaah di semua masjid dan surau di negeri Perak. Solat Jumaat wajib diganti dengan menunaikan Solat Zohor di rumah masing-masing;
- ii. Masjid, surau dan musala yang terletak dalam kawasan yang telah ditemui terdapat pesakit positif Covid-19, hendaklah ditutup, sehingga selesai dilakukan kerja-kerja pembersihan dan nyah kuman dan hanya dibenarkan berfungsi semula setelah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa Kementerian Kesihatan Malaysia;

- iii. Dengan nasihat dan panduan pihak berkuasa Kementerian Kesihatan Malaysia, masjid, surau dan musala melakukan operasi pembersihan dan nyah kuman sebagai langkah kawalan bagi menghindar jangkitan;
- iv. Dihentikan semua aktiviti kelas agama, kuliah dan pengajian di masjid, surau dan musala untuk meminimumkan pendedahan;
- v. Hanya pegawai masjid yang bertugas (seorang imam, seorang bilal dan seorang siak) hadir untuk memenuhi tugas melaungkan azan dan memenuhi keperluan fardu kifayah menyempurnakan solat secara berjemaah dalam sesuatu kariah pada sesuatu waktu solat;
- vi. Laungan azan akan dilaksanakan di masjid dengan gantian seruan ungkapan hay'alatain (حى على الصلاة، حى على الفلاح) kepada (صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ) (Solatlah di rumah kamu), berdasarkan riwayat al-Bukhari (668) dan Muslim (699) daripada Ibn 'Abbas RA. Inilah salah satu pandangan yang dibolehkan seperti yang dinyatakan oleh al-Imam al-Nawawi RH di dalam kitabnya Syarh Sahih Muslim 5/207;

الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر، الله أكبر،
أشهد أن لا إله إلا الله، أشهد أن لا إله إلا الله،
أشهد أن محمدًا رسول الله، أشهد أن محمدًا رسول الله،
صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ، صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ،
الله أكبر، الله أكبر،
لا إله إلا الله

- vii. Sekiranya berlaku kematian akibat virus Covid-19, pengurusan jenazah hendaklah dilaksanakan mengikut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-107 (bertarikh 10-11 Februari 2015) mengenai "Hukum Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Disyaki atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (Ebola Virus Disease:EVD) di Malaysia", iaitu pengecualian dan kelonggaran (rukhsah) sekiranya terdapat keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan kemudaratan kepada nyawa manusia yang menguruskan jenazah tersebut. Dalam hal ini dibolehkan jenazah tersebut diuruskan melalui prosedur tayamum, atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastik yang membalut jenazah.

SEMUA KEMENTERIAN KEKAWALAN NEGARA
SEMUA KEMENTERIAN KEKAWALAN NEGARA

Semua Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau di negeri Perak hendaklah melaksanakan arahan seperti yang telah ditetapkan bermula 17 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak akan mengeluarkan arahan pentadbiran secara lebih lengkap. Sebarang pelanjutan atau penamatan tempoh yang ditetapkan ini, adalah tertakluk kepada nasihat selanjutnya daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Menjunjung titah

Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin
Yang Dipertua,
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

22 Rejab 1441/17 Mac 2020